



INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

# KAJIAN INDEKS BELIA MALAYSIA 2023 (IBM'23)

## MENGUKUR TAHAP KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA

### PENGENALAN

Merupakan instrumen atau penanda aras yang dibentuk bagi memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia Malaysia melalui enam Domain dan 41 Indikator, iaitu Pendidikan; Ekonomi; Kesejahteraan Mental & Fizikal; Sosialisasi Politik, Kenegaraan & Demokrasi; Nilai & Identiti dan Media & Digital Citizenship.

### OBJEKTIF KAJIAN



Menilai perubahan gaya hidup belia melalui perbandingan dengan indeks semasa



Menilai perubahan pencapaian yang berlaku ke atas domain dan indikator kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia



Menyediakan input serta cadangan bagi membentuk polisi dan membangunkan program bersesuaian untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia



Menyediakan input bagi mekanisme penilaian Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035



### SKOR IBM'23 : 74.39 | SEDERHANA

- Skor IBM'23 meningkat 4.14 kepada 74.39 berbanding Skor IBM'22 iaitu 70.25;
- Empat skor domain IBM'23 meningkat iaitu Pendidikan; Ekonomi; ; dan Nilai & Identiti; dan Media & Digital Citizenship;
- Dua skor domain IBM'23 mengalami penurunan iaitu Kesejahteraan Mental & Fizikal dan Sosialisasi Politik, Kenegaraan & Demokrasi;
- Domain Ekonomi meningkat dari Tier 3 : Pendekatan Diagnosis dan Perbincangan Kumpulan Fokus kepada Tier II: Pendekatan Intervensi & Pemerhatian Khusus;
- Domain Nilai & Identiti meningkat dari Tier 2 : Pendekatan Intervensi & Pemerhatian Khusus kepada Tier 1 : Memerlukan Lonjakan Inovasi;
- Pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia secara keseluruhan dipengaruhi oleh ekosistem lapan kumpulan sasaran belia dan 10 kumpulan pelaksana belia, seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035;
- Bagi meningkatkan pencapaian skor secara keseluruhan, perancangan strategik melibatkan tiga tier/ peringkat iaitu lonjakan inovasi; intervensi & pemerhatian khusus; dan diagnosis & perbincangan kumpulan berfokus;
- Pencapaian Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan & Demokrasi bagi IBM'23 di Tier 3: Pendekatan Diagnosis dan Perbincangan Kumpulan Berfokus serta memerlukan tumpuan utama;
- Pencapaian Domain Ekonomi dan Domain Kesejahteraan Mental & Fizikal IBM'23 di Tier 2 : Intervensi dan Pemerhatian Khusus; dan
- Domain Pendidikan; Nilai & Identiti dan Domain Media & Digital Citizenship IBM'23 di Tier 1: Memerlukan Lonjakan Inovasi.


### METODOLOGI KAJIAN

#### KUANTITATIF


Borang soal selidik atas talian menggunakan platform iGreat berdasarkan kaedah persampelan melalui Blok Perhitungan (BP) daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melibatkan 13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan dalam Malaysia

#### KUALITATIF

Focus Group Discussion (FGD) melibatkan lapan kumpulan sasaran belia dan 10 kumpulan pelaksana yang terlibat secara langsung dalam pembangunan belia




### PELAKSANAAN PEMANTAUAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MELALUI NATIONAL KEY YOUTH DEVELOPMENT AREA (NKYDA)



• Wawasan Kemakmuran Bersama • Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 • 2030 KPI Nasional (RMK 11 dan 12) • Pelan Strategik IYRES 2021-2025 • Model Pembangunan Belia Madani 2030 • Strategi literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 • 2023 Akta 698 • Global Youth Development Index 2022 • ASEAN Workplan on Youth (2016-2020) & (2021-2025) SOG 2030 • ASEAN Youth Development Index 2022

### TREND PENCAPAIAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA 2015 - 2023



Ikuti Kami  
IYRESKBS



info@igres.gov.my  
www.igres.gov.my

SUMBER :

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)